

# Halimah Ahmad

Cik Halimah, 86 tahun, mempunyai tiga orang anak. Cucunya seramai 12 orang dan cicitnya seramai 14 orang. Suaminya telah meninggal dunia lebih 20 tahun yang lalu.

Bekas guru yang mendapat latihan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Durian Daun di Melaka ini pernah mengajar di beberapa buah sekolah di sini dan pernah menjadi guru besar di Sekolah Melayu Perempuan Geylang di Lorong 23. Beliau bersara lebih 40 tahun yang lalu.

Walaupun telah menjangkau usia lanjut, beliau masih sihat dan tidak menghidap sebarang penyakit kronik.

---

Cucu-cukuku tersayang,

Sudah lama Nenda tidak berjumpa dengan cucunda semua. Walaupun ada cucu-cucu Nenda yang sudah dewasa, berpendidikan dan memegang jawatan tinggi, ingin Nenda berpesan secara ringkas beberapa perkara sebagai pedoman untuk kamu semua.

Berbaik-baik dan bersopan santunlah kamu semua dengan adik-

beradik dan ibu serta ayah kamu, dan tidak ketinggalan dengan kawan-kawan kamu. Di mana pun cucunda berjumpa, tegurlah kawan cucunda. Insya-Allah, Tuhan akan sayang kepada cucunda.

Bagi Nenda, perkara yang paling penting dalam diri kita ialah ketakwaan kepada Allah. Dengan ketakwaan maka kita dapat hidup dengan penuh berkat.

Nenda bersyukur kerana dalam usia 86 tahun, Nenda masih boleh bersembahyang duduk di atas kerusi, boleh membaca doa-doa dan kitab-kitab.

Mata Nenda masih awas, begitu juga dengan penglihatan Nenda, alhamdulillah. Maka itu, Nenda harap, cucu-cucunda sekalian jagalah kesihatan dan amalkan petua-petua kesihatan yang Nenda sampaikan.

Sekian, assalamualaikum.

Daripada Nendamu,

Hajah Halimah